

Headline	FGV lupus tiga anak syarikat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 May 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	17	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,388
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,163



FGV lupus tiga anak syarikat

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Mei - Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), dijangka melengkapkan langkah pelupusan terhadap perniagaan bukan terasnya pada suku ketiga tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Mohd. Emir Mavani Abdullah berkata, tiga anak syarikat yang dikenal pasti terlibat dalam langkah tersebut ialah Felda Travel Sdn. Bhd., Felda Properties Sdn. Bhd. dan Felda Prodata Systems Sdn. Bhd. (Felda Prodata).

"Langkah ini dijangka dapat dimuktamadkan pada suku ketiga tahun ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani memorandum kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod; Timbalan Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Mislihah Mohamad Basir dan Ketua Kluster Penyelidikan dan Pembangunan FGV, S. Palaniappan.

Dalam laporan sebelum ini, penganalisis menjangkakan FGV akan melupuskan perniagaan tidak menguntungkan iaitu loji penghancuran canola dan kacang soya yang berpangkalan di Kanada

yang terjejas teruk akibat margin lebih rendah di Amerika Utara.

Ketika ditanya tentang harga minyak sawit mentah (MSM), Mohd. Emir Mavani berkata, ia diunjur berlegar sekitar RM2,100 hingga RM2,200 setan metrik tahun ini disebabkan beberapa isu terutama tragedi banjir dan cuaca panas yang turut memberi kesan kepada pengeluaran buah tandan segar (BTS).

"Industri sawit akan berada dalam keadaan tidak menentu tahun ini tetapi ia bukan sahaja memberi kesan kepada FGV, malah turut menjejaskan syarikat perladangan lain di negara ini," ujarnya.

Sementara itu, mengulas kontrak jawatannya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif yang tamat pada Jun tahun ini, beliau berkata, perkara tersebut terserah kepada keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengenai kerjasama dengan FRIM dan Perhilitan, beliau memberitahu, FGV akan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM7.5 juta bagi menjalankan usaha pemuliharaan Rafflesia dan Beruang Matahari melalui penubuhan Pusat Konservasi dan Interpretif Rafflesia (RCIC) di Semenanjung Malaysia dan Program Konservasi Beruang Matahari.



MOHD. EMIR MAVANI ABDULLAH (tiga dari kanan) melihat maskot Beruang Madu selepas majlis menandatangani memorandum kerjasama dengan FRIM di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Abd. Latif Mohmod (dua dari kiri) dan Mislihah Mohamad Basir (kanan). - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH